

NORDIPINE TABLET 5MG & 10MG

Amlodipine Besilate 5mg & 10mg

Risalah Maklumat Ubat Pengguna

Kandungan risalah

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim mengenai NORDIPINE.

Ia tidak mengandungi semua maklumat yang ada mengenainya. Ini tidak bermakna anda tidak perlu mendapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi.

Semua ubat mempunyai risiko dan

menimbang risiko dan manfaat yang dijangkakan sebelum anda mengambil NORDIPINE.

Jika anda mempunyai apa-apa kemusykilan tentang pengambilan ubat ini, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Simpan risalah ini bersama-sama dengan ubat anda.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan NORDIPINE

NORDIPINE digunakan untuk menurunkan tekanan darah tinggi (hipertensi). Penyakit darah tinggi biasa tidak menunjukkan sebarang tanda-randa atau gejala. Satu-satunya cara untuk mengetahui yang anda mempunyai tekanan darah tinggi adalah dengan memeriksa tekanan darah secara berkala. Jika tekanan darah tinggi tidak dirawat ia boleh

mengundang kepada masalah kesihatan yang lebih serius.

NORDIPINE juga digunakan untuk merawat penyakit angina pektoris. Angina adalah satu keadaan penyakit apabila dada terasa sakit atau tidak selesa, selalunya merebak ke bahagian tangan atau leher, dan kadang-kadang ke bahagian bahu dan belakang badan. Kesakitan angina adalah disebabkan oleh kekurangan bekalan oksigen ke jantung.

NORDIPINE bukan untuk melegakan serangan mengejut angina. Doktor anda akan merawat keadaan ini.

Bagaimana NORDIPINE berfungsi

NORDIPINE tergolong di dalam kumpulan ubat yang dipanggil *penghalang saluran kalsium*. Ia berfungsi dengan membesarkan saluran darah dan menjadikannya lebih mudah untuk jantung anda mengepam darah ke seluruh tubuh dan membantu meningkatkan bekalan darah dan oksigen ke jantung anda. *Penghalang saluran kalsium* tidak mengubah jumlah kandungan kalsium di dalam darah atau tulang anda.

Tanya doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan mengapa NORDIPINE dipreskrip untuk anda.

Doktor anda mungkin telah mempreskripsinya atas sebab-sebab lain.

Ubat ini hanya boleh diperolehi melalui preskripsi doktor.

Penggunaan Kanak-kanak

Tidak ada maklumat yang mencukupi untuk mengesyorkan penggunaan ubat ini di kalangan kanak-kanak.

Sebelum menggunakan NORDIPINE

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil NORDIPINE jika anda alah terhadap:

- NORDIPINE, atau sebarang amlodipine
- ubat lain dalam kumpulan penghalang saluran kalsium felodipine, nifedipine, atau lercanidipine.

Jika anda tidak pasti tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- sebarang bahan kandungan ubat yang disenaraikan pada penghujung risalah ini.

Beberapa gejala akibat tindak balas alahan termasuklah:

- sesak nafas
- sukar bernafas atau nafas berdehit
- bengkak muka, bibir, lidah atau lain-lain bahagian badan
- kulit beruam atau gatal-gatal

Jangan menyusukan bayi jika anda sedang mengambil ubat ini.

Kemungkinan untuk bahan aktif di dalam NORDIPINE meresap masuk ke dalam susu ibu dan menjejaskan bayi anda adalah tidak diketahui.

Jangan guna ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada

label atau pembungkusannya telah terkoyak atau ada tanda-tanda ianya telah dibuka.

Jika ia telah tamat tarikh luput atau rosak, pulangkan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda harus mula mengambil ubat ini, tanya doktor anda.

Sebelum mula mengambil

Maklumkan kepada doktor anda jika anda alah terhadap sebarang ubat-ubatan, makanan, bahan pewarna atau pengawet.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai, atau pernah mempunyai sebarang masalah kesihatan seperti berikut:

- penyakit jantung seperti kegagalan jantung
- masalah hati

Maklumkan kepada doktor anda jika anda hamil atau merancang untuk hamil

Ubat ini boleh menjejaskan perkembangan janin jika diambil ketika hamil. Doktor akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaatnya.

Jika anda belum memaklumkan doktor anda mengenai perkara tersebut, maklukkannya dengan segera sebelum anda mula mengambil ubat NORDIPINE.

Jika mengambil ubat-ubatan lain

Maklumkan kepada doktor jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain termasuk:

- semua ubat preskripsi
- semua ubat, vitamin atau ubat-ubat herba yang boleh diperolehi tanpa preskripsi di

kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Ubat-ubatan ini boleh terjejas disebabkan oleh NORDIPINE atau mungkin menjejaskan kesan NORDIPINE. Anda mungkin memerlukan sukatan ubat yang berbeza, atau anda mungkin perlu mengambil ubat-ubatan berbeza. Doktor anda akan menasihati anda mengenainya.

Maklumkan kepada doktor jika anda ada mengambil apa-apa seperti berikut:

- Cimetidine
- buah atau jus limau gedang (grapefruit)
- Aluminium/ Magnesium
- Sildenafil
- Atorvastatin
- Digoxin
- Ethanol (alcohol)
- Warfarin

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat yang perlu diberi perhatian atau perlu dielakkan ketika mengambil NORDIPINE.

Cara menggunakan NORDIPINE

Ambil ubat NORDIPINE mengikut arahan doktor anda.

Patuhi semua arahan yang telah diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dengan maklumat yang terdapat di dalam risalah ini.

Jika anda tidak faham arahan yang dinyatakan pada pek, minta bantuan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa banyak perlu diambil

Dos biasa NORDIPINE adalah 5 mg setiap hari. Doktor anda akan meningkatkan dos kepada 10 mg setiap hari.

Doktor anda akan menentukankan dos NORDIPINE bergantung kepada keadaan dan tindak balas anda terhadap ubat ini.

Bagaimana cara untuk mengambil

Telan tablet sepenuhnya dengan segelas air.

Bila perlu mengambil

Ambil ubat anda pada waktu yang sama setiap hari, sama ada pagi atau petang.

Mengambil ubat pada masa yang sama setiap hari akan memberikan kesan yang terbaik. Ia juga akan membantu anda mengingati waktu pengambilan ubat anda.

NORDIPINE boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

Berapa lama perlu mengambil

Anda perlu mengambil NORDIPINE setiap hari. Jangan berhenti mengambil ubat anda tanpa merujuk pada doktor.

Ubat ini membantu mengawal penyakit anda, tetapi tidak menyembuhkannya. Adalah penting untuk anda terus mengambil ubat ini walaupun anda telah berasa sihat.

Jika terlupa mengambil

Jika masa untuk dos seterusnya hampir tiba (kurang daripada 12

jam), langkau dos yang tertinggal tersebut dan ambil dos yang seterusnya. Jika tidak, ambil dos sebaik sahaja anda teringat, dan kemudian teruskan mengambil ubat tersebut seperti biasa.

Jangan gandakan dos anda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Ini akan meningkatkan risiko anda mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingati waktu pengambilan ubat anda, dapatkan cara untuk mengatasinya daripada ahli farmasi anda.

Jika mengambil berlebihan (Terlebih dos):

Hubungi doktor anda dengan segera melalui panggilan telefon atau kunjungi hospital yang berdekatan jika anda fikir anda atau orang lain telah mengambil NORDIPINE secara berlebihan.

Lakukan perkara tersebut sekalipun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Jika anda mengambil ubat ini secara berlebihan, anda mungkin berasa pening atau nak pitam dan mengalami denyutan jantung tidak tetap.

Semasa menggunakan NORDIPINE

Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan mana-mana doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa

anda sedang mengambil NORDIPINE.

Jika anda perlu mengambil ubat-ubatan lain, maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil NORDIPINE.

Jika anda hamil ketika mengambil NORDIPINE, maklumkan kepada doctor and dengan segera.

Perkara yang perlu dilakukan

Jangan mengambil NORDIPINE untuk merawat mana-mana penyakit lain kecuali atas arahan doktor anda.

Jangan beri NORDIPINE kepada orang lain walaupun penyakit mereka sama seperti anda.

Perkara yang perlu diambil perhatian

Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda merasai kesan NORDIPINE terhadap anda.

NORDIPINE boleh menyebabkan rasa pening atau mengantuk pada sesetengah pesakit.

Jika anda mengalami gejala-gejala tersebut, jangan memandu kenderaan, mengendalikan mesin atau apa-apa aktiviti yang berbahaya.

Perkara yang boleh membantu mengawal penyakit tekanan darah tinggi atau angina (sakit dada) anda.

Beberapa kaedah di bawah boleh membantu keadaan anda. Doktor atau , ahli farmasi anda boleh memberikan maklumat lanjut mengenai kaedah ini.

- Berat badan: Doktor anda akan menyarankan anda supaya menurunkan berat badan.

Sesetengah pesakit mungkin memerlukan pakar pemakanan untuk merancang diet yang sesuai untuk membantu menurunkan berat badan.

- Senaman: Senaman yang kerap membantu menurunkan tekanan darah tinggi dan menguatkan jantung. Jangan lakukan senaman dengan keterlaluan.

Dapatkan nasihat doktor sebelum memulakan senaman untuk mengetahui senaman yang paling sesuai untuk anda. Jika anda berasa tidak selesa ketika melakukan senaman atau mengalami gejala seperti sakit dada yang luar atau sesak nafas, hubungi doktor anda.

- Alkohol: Doktor anda akan menasihati anda untuk menghadkan pengambilan alkohol.

- Garam: Doktor anda akan menasihati anda untuk mengawal jumlah garam dalam makanan anda. Elakkan penggunaan garam dalam masakan anda.

- Merokok: Doktor akan menasihati anda untuk berhenti merokok atau mengurangkannya.

Kesan-kesan sampingan

Laporkan segera kepada doktor atau ahli farmasi jika anda berasa tidak sihat ketika mengambil NORDIPINE.

NORDIPINE membantu mengawal penyakit pada kebanyakan pesakit tetapi ia mungkin boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini pada sesetengah daripada mereka. Semua ubat-ubatan mempunyai kesan sampingan. Kadang kala ianya serius, tetapi selalunya tidak. Anda perlu mendapatkan rawatan perubatan jika anda mengalami kesan-kesan sampingan tersebut.

Kadangkala, sukar untuk memberitahu sama ada kesan sampingan tersebut disebabkan oleh NORDIPINE atau keadaan penyakit anda ataupun kesan-kesan sampingan ubat-ubatan lain yang anda ambil. Oleh itu, adalah penting untuk memberitahu doktor jika ada apa-apa perubahan dalam kesihatan anda.

Jangan berasa cemas dengan kesan-kesan sampingan yang disenaraikan. Anda mungkin tidak mengalaminya.

Laporkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan berikut dan ianya membimbangkan anda:

- bengkak pada kaki dan pergelangan kaki, muka atau tangan
- sakit kepala
- pening
- muka merah padam
- berdebar-debar
- keletihan
- rasa mengantuk
- sakit perut atau loya

Kesan-kesan sampingan tersebut biasa berlaku dengan pengambilan NORDIPINE.

Laporkan kepada doktor jika anda mengalami keadaan berikut:

- senak perut
- rasa lesu atau lemah
- kejang atau sakit otot
- masalah seksual

Ini mungkin atau tidak disebabkan oleh NORDIPINE tetapi anda perlu memberitahu doktor jika ianya membimbangkan anda.

Laporkan kepada doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana keadaan berikut:

- perubahan denyutan jantung sama ada laju atau perlahan
- sakit dada

- pening atau rasa nak pitam ketika hendak berdiri daripada posisi duduk atau baring

- sesak nafas

- gejala alahan seperti kulit beruam dan/atau gatal-gatal

- gejala penyakit hati seperti gatal-gatal, kulit dan mata menjadi kuning dan air kencing berwarna gelap.

Kesan-kesan sampingan tersebut adalah serius dan mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Kesan sampingan yang serius jarang berlaku.

Ini bukanlah senarai kesan-kesan sampingan yang lengkap. Sesetengah pesakit mungkin mengalami kesan sampingan yang lain dan sesetengah kesan sampingan masih belum diketahui.

Jika anda mengalami gejala-gejala lain yang membimbangkan anda, maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi.

Tanya doktor atau ahli farmasi untuk menjawab apa-apa soalan anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Selepas menggunakan NORDIPINE

Penyimpanan

Simpan ubat tablet anda di dalam pek asal sehingga tiba masa untuk menggunakannya.

Jika anda mengeluarkan tablet daripada pek asalnya, ia tidak tersimpan dengan sempurna

Simpan ubat anda di tempat kering dan sejuk pada suhu di bawah 30°C

Jangan menyimpan NORDIPINE dan ubat-ubatan anda di dalam bilik air atau berdekatan sinki. Jangan tinggalkannya di dalam kereta atau ditepi tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat.

Jauhkan ubat daripada capaian kanak-kanak.

Simpan ubat di dalam almari berkunci yang terletak sekurang-kurangnya satu setengah meter tinggi.

Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil NORDIPINE, atau sudah tamat tarikh luputnya, hubungi ahli farmasi anda untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan terhadap baki tersebut.

Deskripsi produk

Rupa dan warna

Tablet NORDIPINE boleh didapati dalam 2 kekuatan:

- Tablet NORDIPINE 5mg:

Tablet berbentuk *shield* berwarna putih bertanda 'COV' dan bergaris 'score'

- Tablet NORDIPINE 10mg:

Tablet berbentuk *shield* berwarna putih bertanda 'COV' dan bertanda '10' pada permukaan sebelah bergaris 'score'

Satu kotak NORDIPINE mengandungi 30 biji tablet (3 x10's dalam blister) & 100 biji tablet (10 x10's dalam blister)

Bahan Kandungan

Tarikh risalah ini disediakan:
28 Dec 2021

Bahan aktif

- Setiap tablet NORDIPINE 5mg mengandungi amlodipine besilate bersamaan dengan 5mg amlodipine.
- Setiap tablet NORDIPINE 10mg mengandungi amlodipine besilate bersamaan dengan 10mg amlodipine.

Nombor Siri:
NPRA(R2/2)211222/813

Bahan tidak aktif

- Dibasic Calcium Phospahte Anhydrous
- Microcrystalline Cellulose 112
- Sodium starch glycolate
- Magnesium Stearate

Pengilang / Penedar

NORDIPINE dikilang secara kontrak oleh:

Duopharma Manufacturing

(Bangi) Sdn.Bhd.

Lot 2 & 4, Jalan P/7, Sction 13,
Bandar Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran

DUOPHARMA (M) SDN. BHD.

Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.